

**Najib, Muhyiddin Serah Borang Pencalonan Pertahan Jawatan  
Bernama  
21 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Borang pencalonan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun mempertahankan jawatan Presiden Umno pada pemilihan parti Oktober ini, diserahkan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, pukul 8 pagi.

Borang itu diserahkan Setiausaha Politik beliau Datuk Khairun Aseh yang hadir mewakili Najib di Bilik Labuan, tingkat 5, PWTC semasa proses penamaan.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin adalah pencadang kepada Perdana Menteri bagi jawatan itu manakala penyokongnya ialah Setiausaha Agung Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Sementara itu, Muhyiddin turut mengemukakan kertas pencalonannya untuk mempertahankan jawatan Timbalan Presiden Umno pada pukul 8 pagi.

Kertas pencalonan Muhyiddin diserahkan oleh Setiausaha Politiknya Datuk Mohd Nardin Awang.

Najib ialah pencadang kepada pencalonan Muhyiddin manakala penyokong ialah Tengku Adnan.

Najib memenangi kerusi presiden tanpa bertanding pada 26 Mac 2009 dan beliau cuba mempertahankannya bagi penggal kedua kali ini.

Najib dan Muhyiddin menghadiri perarakan rapat raksasa sempena sambutan Hari Angkatan Tentera Malaysia ke-80 tahun di Dataran Merdeka, pagi ini.

Dua hari lepas, Najib mengumumkan akan mempertahankan jawatan itu berdasarkan sokongan dan kepercayaan yang disuarakan anggota parti di peringkat akar umbi.

Muhyiddin memenangi kerusi timbalan presiden parti apabila mengalahkan pencabar tunggalnya Tan Sri Muhammad Muhamad Taib pada pemilihan Umno 2009.

Beliau cuba untuk mempertahankan jawatan itu bagi penggal kedua kali ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=979342>